



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسلامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

29 Rabiulawal 1448H/11 September 2026M

“HARI MALAYSIA: NIKMAT KEAMANAN, AMANAH BERSAMA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ وَأَكْرَمَنَا بِالْخِلَافَةِ فِي الْأَرْضِ .
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ ءَامِنًا وَاجْنُبْنِي وَبَنِيَّ أَنْ
تَعْبُدُوا الْأَصْنَامَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan jamaah Jumaat sekalian agar memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh mengurangkan pahala Jumaat kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang tajuk: ***“Hari Malaysia: Nikmat Keamanan, Amanah Bersama.”***

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Tidak lama lagi, kita akan menyambut **Hari Malaysia pada 16 September**. Tarikh ini mengingatkan kita kepada satu detik penting dalam sejarah negara, iaitu pembentukan Malaysia pada tahun 1963 yang menghimpunkan **Persekutuan Tanah Melayu** bersama **Sabah** dan

Sarawak. Namun, Hari Malaysia bukan sekadar catatan sejarah. Peristiwa ini boleh menjadi ruang untuk kita bermuhasabah tentang nikmat kehidupan yang kita kecapai pada hari ini. Kita mungkin tidak melalui kesukaran yang dilalui oleh generasi terdahulu. Kita lahir dalam keadaan negara telah terbentuk, kehidupan telah tersusun dan kemudahan telah tersedia. Namun, keamanan yang kita warisi ini bukan alasan untuk kita mengambil mudah tentangnya. Persoalannya, apakah yang telah kita lakukan untuk memelihara nikmat yang telah diwariskan kepada kita?

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SEKALIAN,

Keamanan merupakan antara nikmat yang sangat besar dalam kehidupan manusia. Allah SWT merakamkan doa Nabi Ibrahim a.s melalui surah Ibrahim, ayat 35 yang telah dibacakan diawal khutbah sebentar tadi **yang bermaksud:** *“Dan ingatlah ketika Nabi Ibrahim berdoa: Wahai Tuhanku, jadikanlah negeri ini (Mekah) negeri yang aman.”*

Menurut Syeikh Muhammad Sayyid Tantawi *rahimahullah* dalam kitab tafsirnya bahawa Nabi Ibrahim a.s memohon nikmat keamanan terlebih dahulu sebelum nikmat-nikmat yang lain kerana keamanan merupakan antara nikmat yang paling besar. Apabila seseorang kehilangan keamanan, fikirannya akan terganggu dan sukar baginya untuk memberi perhatian kepada urusan agama atau dunia dengan hati yang tenang. Hidupnya juga akan dipenuhi kebimbangan dan perkara-perkara yang mengganggu ketenteraman jiwa. Keamanan menjadi asas kepada kehidupan yang baik. Dalam keadaan aman, manusia dapat mencari rezeki yang halal, mendidik anak-anak dengan baik dan melaksanakan ibadah dengan tenang. Sebab itu, keamanan bukan sekadar keadaan

tanpa peperangan. Keamanan turut lahir daripada sikap masyarakat yang saling menghormati, menjaga hak orang lain dan menghindarkan diri daripada perkara yang menimbulkan permusuhan. Kadangkala kita hanya menyedari besarnya nikmat keamanan apabila melihat kehidupan manusia yang dilanda peperangan dan pergolakan. Ketika itu, tidur dengan tenang, berkumpul bersama keluarga dan keluar mencari rezeki menjadi sesuatu yang sangat bernilai. Maka, keamanan yang kita nikmati hendaklah disyukuri dengan menjauhi segala perkara yang boleh merosakkannya.

JAMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Keamanan yang kukuh pula memerlukan masyarakat yang mempunyai hubungan yang baik. Islam tidak mengajar manusia menghapuskan perbezaan, tetapi mendidik kita supaya mengurus perbezaan dengan adab dan kebijaksanaan. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat, ayat 13 **yang bermaksud:** *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

Al-Imam al-Tabari *rahimahullah* menjelaskan bahawa tujuan manusia dijadikan berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya mereka saling mengenali, serta mengetahui hubungan keturunan. Perbezaan tersebut bukanlah ukuran kemuliaan. Sebaliknya, orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertakwa.

Maka, perbezaan bangsa, budaya, bahasa dan latar kehidupan tidak sepatutnya menjadi tembok yang memisahkan kita. Perbezaan pandangan juga tidak seharusnya menghilangkan rasa hormat dan persaudaraan. Yang membezakan manusia di sisi Allah SWT bukan kedudukan, keturunan atau bangsanya, tetapi ketakwaan. Inilah asas yang perlu kita pegang dalam kehidupan bermasyarakat.

Setelah kita saling mengenali, hubungan yang baik hendaklah dibina melalui akhlak dan perbuatan, bukan sekadar kata-kata. Daripada Abu Musa al-Asy'ari *radiallahuanhu*, Rasulullah SAW bersabda:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ، يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا، وَشَبَّكَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ.

Maksudnya: “Seorang Mukmin dengan Mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan; sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain.” Kemudian Baginda SAW menyilangkan jari-jari tangannya. (Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Masyarakat yang kukuh ialah masyarakat yang anggotanya saling menguatkan. Ada yang berkongsi ilmu, ada yang memberikan pertolongan kepada mereka yang berada dalam kesusahan dan ada yang menyumbang melalui pekerjaan yang dilaksanakan dengan amanah. Tidak semua sumbangan perlu kelihatan besar. Guru yang mendidik dengan ikhlas sedang membina manusia. Ibu bapa yang membentuk akhlak anak-anak sedang membina keluarga. Jiran yang mengambil berat terhadap jirannya sedang mengukuhkan hubungan kemasyarakatan. Semua kebaikan ini, apabila dilakukan dengan ikhlas, menjadi sebahagian daripada usaha membina masyarakat yang sejahtera.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Tanggungjawab memelihara keamanan tidak terhenti pada generasi kita. Kita akan meninggalkan negara ini kepada generasi yang akan datang. Sebab itu, anak-anak perlu dididik bukan hanya dengan ilmu pengetahuan, tetapi juga dengan iman, akhlak, dan ketakwaan yang menjadi panduan dalam kehidupan. Mereka perlu mengenali nilai menghormati ibu bapa, menghargai guru, membantu orang yang memerlukan dan mengawal diri daripada perkara yang merosakkan agama serta masa depan. Pendidikan seperti ini bermula di rumah, diperkukuh di sekolah dan diteruskan dalam masyarakat. Sesungguhnya, negara yang baik bukan sekadar memerlukan generasi yang bijak dan berilmu, tetapi lebih daripada itu, negara memerlukan generasi yang teguh imannya, mulia akhlaknya dan tinggi ketakwaannya kepada Allah SWT. Ilmu yang luas tanpa iman boleh disalahgunakan, kepintaran tanpa akhlak boleh membawa kerosakan, manakala kemajuan tanpa ketakwaan boleh menjauhkan manusia daripada keberkatan.

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Hari Malaysia sewajarnya membawa kita kepada satu kesedaran, nikmat yang diwarisi perlu dijaga, bukan sekadar dinikmati. Kita tidak mampu menjamin segala perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Namun, kita mampu menentukan sikap kita pada hari ini. Kita mampu menjaga percakapan. Kita mampu memilih untuk tidak menyakiti. Kita mampu mendamaikan perselisihan. Kita mampu mendidik anak-anak dengan agama dan akhlak kita mampu melaksanakan amanah masing-masing dengan sebaik-baiknya. Inilah syukur yang mempunyai makna. Syukur kepada Allah SWT bukan hanya dengan menyebut alhamdulillah, tetapi dengan menggunakan nikmat pada jalan yang diredai-Nya.

Akhir sekali, marilah kita menjadikan Hari Malaysia sebagai kesempatan untuk memperbaharui rasa syukur kepada Allah SWT dan memperteguh amanah untuk memelihara keamanan, memperbaiki hubungan sesama manusia serta meninggalkan kebaikan kepada generasi yang akan datang. Semoga Allah SWT terus mengurniakan keamanan dan kesejahteraan kepada negara kita, menyatukan hati rakyatnya dalam kebaikan, memelihara masyarakat daripada fitnah dan permusuhan serta membimbing kita menjadi hamba-Nya yang bersyukur dan bertakwa. Firman Allah SWT melalui surah ad-Dhuha, ayat 11:

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ﴿١١﴾

Maksudnya: *“Dan terhadap nikmat Tuhan-Mu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepada-Nya.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَها موليَا سري فادوك بكيندا يَغْ دُفرتوان اكوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوان يَغْ تراوتام يَغْ دُفرتوا نكري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, turunkanlah kepada kami hujan yang bermanfaat lagi diberkati. Jadikanlah ia sebagai rahmat dan janganlah Engkau jadikannya sebagai azab. Jauhkanlah daripada kami segala bala, wabak dan penyakit. Peliharalah kami daripada segala keburukan penyakit dan musibah. Hilangkanlah daripada kami kesusahan, bencana dan kemarau. Turunkanlah kepada kami keberkatan dari langit dan keluarkanlah untuk kami keberkatan dari bumi. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman. Jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka.

Ya Allah, ampunkanlah dosa kami dan dosa kedua ibu bapa kami. Peliharalah institusi kekeluargaan kami agar dipenuhi dengan *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Jadikanlah rumah tangga kami sebagai madrasah yang menyemai iman dan ketakwaan dalam diri anak-anak kami.

Ya Allah, kurniakanlah kami rezeki untuk sentiasa mengikuti sunnah Rasulullah SAW, berpegang teguh dengan petunjuknya, meneladani akhlaknya yang mulia dalam kehidupan seharian kami, sehingga kami bertemu dengan-Mu dalam keadaan reda dan diredai.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, kurniakanlah kami kekuatan agar dapat menghadirkan diri dalam solat Subuh, sebagaimana ramainya kami hadir menunaikan solat Jumaat pada hari ini. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ،
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com